

UNTUK SIARAN SEGERA
22 September 2024

KENYATAAN MEDIA

KARNIVAL WIRA LESTARI 2024: MENINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT TERHADAP KELASTARIAN ALAM SEKITAR

MUAR, 22 September 2024 - SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment), bersama Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berjaya mengumpul sebanyak 68.2 tan barangan kitar semula dalam tempoh masa empat bulan sepanjang program Jelajah Sekolah Angkat Wira Lestari (JESAWIL) 2024 yang bermula dari bulan Mei hingga Ogos 2024. Dalam pada itu Karnival Wira Lestari 2024 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Hab Pendidikan Tinggi Pagoh bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kelestarian alam sekitar dan amalan kitar semula sebagai sebahagian daripada gaya hidup.

Menurut pengarah program Ts. Dr. Roslinda Ali “Penganjuran Karnival Wira Lestari 2024 ini merupakan titik permulaan kesinambungan program Jelajah Sekolah Angkat Wira Lestari (JESAWIL) yang pertama kali dianjurkan pada tahun 2023. Bagi tahun 2024, penyertaan JESAWIL melibatkan 42 buah sekolah rendah dan 20 sekolah menengah di sekitar negeri Johor. Sebanyak 7 kategori dipertandingkan bagi merebut gelaran Ikon Wira Lestari 2024. Selain itu, satu kategori terbuka turut diperkenalkan bagi melihat sejauh mana kreativiti pelajar dalam menarik minat orang ramai untuk menjadikan amalan pengasingan sisa di punca dan 3R sebagai sebahagian dari gaya hidup”.

Selain dari majlis penutup JESAWIL, pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang karnival ini, termasuk pertandingan inovasi GREEN Action for Environment (ENcEm), Wira Lestari Fun Run, Pameran Sudut Lestari serta sesi perkongsian ilmu oleh barisan panel kelestarian yang berpengalaman. Kesemua aktiviti ini bertujuan untuk menarik minat masyarakat setempat amnya, dan pelajar khususnya bagi mengamalkan gaya hidup lestari dan teknologi hijau.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment Sdn. Bhd., Tuan Haji Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata “Pada tahun ini, JESAWIL berjaya melepasi sasaran 60 tan kutipan barangan kitar semula melalui KITARecycle. Sebanyak 68.2 tan barangan kitar semula telah berjaya dikumpulkan dan secara tidak langsung, program ini memberi impak positif kepada alam sekitar dengan pengurangan jejak karbon sebanyak 109,859.48 setara karbon dioksida.” Tambah beliau, “Kejayaan penganjuran JESAWIL ini tidak akan tercapai tanpa komitmen dan sokongan padu daripada semua pihak termasuk guru, murid, ibu bapa dan komuniti setempat”.

Beliau berkata demikian selepas mengiringi Yang Berhormat Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli Bin Mohamad Salleh ,Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur Dan Komunikasi Negeri Johor bagi menyempurnakan Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Karnival Wira Lestari 2024 di Pusat Konvensyen Hab Pendidikan Tinggi Pagoh disaksikan oleh Prof. Madya Dr. Afandi Bin Ahmad, Provost Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Cawangan Pagoh. Turut hadir bersama ialah Ts. Hamdan Bin Samdin, Pengarah Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN), Encik Mohammad Azlie Sham Bin Rasulu, Wakil Rasmi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar, ENCIK JAMALUDDIN BIN MOHD ZAKARIA WAKIL Ketua Penolong Pengarah Kanan Sektor Pengurusan Sekolah ,Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ), Encik Harudin Asmal Bin Haron, Ketua Pengurusan Deposit & Litirasi Kewangan Bank Simpanan Nasional Negeri Johor.

Pihak SWM Environment dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada rakan-rakan strategik pertandingan iaitu Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ), Majlis Perbandaran Muar (MPM), Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail, Sime Darby Property Pagoh , ADABI dan Syarikat Angenet Sdn. Bhd. (Pengeluar Air Mineral Desa).

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

MENGENAI KITARECYCLE

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan KITAREcycle, program kitar semula berganjaran di tiga negeri wilayah Selatan Semenanjung Malaysia iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Program KITAREcycle bertujuan untuk menggalakkan orang ramai melaksanakan aktiviti kitar semula dan berpeluang mengumpul mata ganjaran (Recycling Point = RP) yang boleh ditebus kepada wang tunai melalui perbankan dalam talian. Program KITAREcycle menerima lebih 25 jenis barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui Apple App Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM):

Ts. Dr. Roslinda binti Ali

Pensyarah Kanan & Pengarah Program Karnival Wira Lestari 2024

Tel : 011 – 5500 7878

E-mel : linda@uthm.edu.my

SWM ENVIRONMENT JOHOR UTARA:

MUHAMAD BAKHTIAR BIN AZNI

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Johor Utara)

Tel : 07 – 455 6166 / 016 –4240503

E-mel: bakhtiar.azni@swmsb.com